

05/02/2003

50,000 banjiri Taman Tasik Titiwangsa

KUALA LUMPUR: Hampir 50,000 warga kota membanjiri Taman Tasik Titiwangsa pada sambutan Hari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ke-29 semalam yang menyediakan pelbagai acara menarik.

Sambutan tahun ini diraikan lewat berbanding tahun sebelumnya berikutan pertembungan cuti perayaan Tahun Baru Cina pada Sabtu lalu.

Pembukaan sambutan dimulakan dengan perarakan ketibaan Datuk Bandar, Datuk Mohamad Shaid Taufek dengan ahli kumpulan motosikal Jaguh yang membawa bendera Wilayah Persekutuan. Mohamad Shaid juga sempat diwawancara secara langsung menerusi Radio Malaysia Kuala Lumpur (RMKL).

Ini diikuti acara memotong kek oleh Datuk Bandar, sukaneka membabitkan kakitangan kerajaan, orang ramai, kanak-kanak dan golongan kurang upaya, pertandingan memancing dan pertandingan menangkap itik.

Majlis jamuan teh diadakan pada petang yang turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mohamad Shaid gembira kerana warga kota mengambil peluang meraikan hari wilayah tanpa mengira batasan kaum.

"Ini menunjukkan rakyat Malaysia, terutama warga kota masih kental dengan semangat muhibah dan bersama-sama membabitkan diri dalam setiap acara yang diadakan.

"Selain itu, ia merapatkan perpaduan kaum dan hubungan kekeluargaan," katanya.

Beliau mengingatkan warga kota supaya menghargai pembangunan yang dinikmati sekarang dan memastikan mereka sama-sama menjaga dan menghargai kesenangan serta kemakmuran sedia ada.

"Saya berharap semangat ini dikekalkan dan ia mencerminkan imej baik rakyat negara kepada negara luar," katanya.